

[60 markah]

1 (a) Bezakan buruh dan usahawan dalam sesuatu pengeluaran.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

SULIT
[Lihat Halaman Sebelah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu sistem ekonomi.

Syarikat Mentari memaksimumkan keuntungan manakala
kerajaan pula memaksimumkan kebajikan rakyat

- (i) Apakah sistem ekonomi tersebut?

[1 markah]

- (ii) Bagaimanakah sistem ekonomi di b(i) menyelesaikan masalah asas berikut?

- (a) Apa yang hendak dikeluarkan.

[2 markah]

- (b) Untuk siapa dikeluarkan.

[2 markah]

This image shows a single page of white paper with horizontal black lines, resembling notebook paper. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

SULIT
[Lihat Halaman Sebelah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan nilai Ringgit Malaysia.

KUALA LUMPUR: Ringgit mencatatkan prestasi tidak menentu pada 2023, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) memberi jaminan akan melakukan apa sahaja untuk memastikan ringgit terus diselaras secara teratur.

Sumber ubahsuai : BH online, 27, Disember 2023

Bagaimanakah kerajaan melalui Bank Negara Malaysia mengawal prestasi tersebut?

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[3 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan individu dalam negara.

40 peratus orang muda berbelanja di luar kemampuan

Kuala Lumpur: Empat puluh peratus generasi milenium telah berbelanja melebihi kemampuan mereka.

Sumber: Diubahsuai daripada hmetro .com.my, 9 mac 2021

Bersetujukah anda dengan perbelanjaan generasi milenium tersebut?

Beri alasan.

[5 markah]

- (c) Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran bagi sebuah kilang pakaian pada bulan April 2025.

Perkara	Jumlah (RM)
Gaji pekerja	20 000
Insurans kebakaran	1 200
Sewa bangunan	9 000
Bahan mentah	30 000
Bayaran bil utiliti	1 800

(i)

- (a) Tentukan jenis kos pengeluaran bagi insurans kebakaran.

[1 markah]

- (b) Jelaskan jawapan di c (i) (a).

[3 markah]

- (ii) Hitung jumlah kos berubah kilang tersebut.

[2 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

SULIT
[Lihat Halaman Sebelah]

- 3 (a) Gambar 1 berkaitan dengan peranan kerajaan dalam ekonomi.




Gambar 1

Bagaimanakah kerajaan akan menangani masalah tersebut?

[5 markah]

SULIT
[Lihat Halaman Sebelah]

- (b) Gambar 2 berkaitan dengan sumber hasil kerajaan.



Gambar 2

- (i) Apakah X?

[1 markah]

- (ii) Jelaskan jawapan di (b) (i).

[4 markah]

SULIT
[Lihat Halaman Sebelah]

SULIT
[Lihat Halaman Sebelah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab *mana-mana* **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan kenaikan harga barang di pasaran.

Kerana santan harga makanan naik.

PETALING JAYA – Kenaikan harga santan sehingga RM20 sekilo sejak Ramadan lalu membuatkan peniaga yang menggunakan bahan itu untuk masakan tidak ada pilihan selain menaikkan harga makanan. Rata-rata peniaga bertindak menaikkan harga makanan yang dijual antara 20 sen hingga RM1 kerana tidak tahan harga santan yang semakin naik.

Sumber : diubahsuai daripada Kosmo 24 April 2025

- (a) Bagaimanakah santan mempengaruhi harga makanan?

[4 markah]

- (b) Kenaikan harga makanan memberi kesan kepada pasaran makanan. Bincangkan.

[9 markah]

- (c) Pemberian subsidi oleh kerajaan dapat mengurangkan kesan tindakan peniaga. Jelaskan.

[7 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan kenaikan gaji penjawat awam.

Kenaikan gaji penjawat awam rangsang ekonomi domestik

PETALING JAYA: Kenaikan gaji penjawat awam yang bakal diumumkan Jumaat ini dijangka merangsang ekonomi melalui peningkatan dalam permintaan domestik. Kenaikan itu akan meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja penjawat awam, seterusnya meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam. Di samping itu, kenaikan gaji dalam sektor awam mungkin menarik lebih ramai individu untuk bekerja dalam sektor ini,

Sumber: Diubah suai daripada utusan.com.my, 14 Ogos 2024

- (a) Jelaskan jenis inflasi yang terlibat kesan perubahan gaji tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan kenaikan tersebut terhadap ekonomi negara.

[7 markah]

- (c) Bersetujukah anda kenaikan tersebut mendorong individu memilih untuk bekerja di sektor awam.

Beri alasan.

[9 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu tindakan kerajaan dalam menyusun perbelanjaan negara.

PENAMATAN SUBSIDI TELUR AYAM: JANGAN BUAT PEMBELIAN PANIK

PETALING JAYA – Orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat pembelian panik susulan penamatan subsidi telur ayam secara berperingkat yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2025. Dijangkakan harga makanan berasaskan telur mungkin meningkat antara 30 hingga 40 peratus bermula bulan depan kerana peniaga perlu menyesuaikan operasi mereka akibat peningkatkan kos. Situasi yang berterusan dibimbangkan akan menyebabkan orang ramai mula mengubah kaedah pembelian secara tunai kepada pembelian secara kredit.

Sumber : Diubahsuai daripada Kosmo online, 30 April 2025

- (a) Jelaskan keadaan ekonomi yang akan berlaku dengan tindakan kerajaan tersebut.

[7 markah]

- (b) Adakah anda bersetuju dengan tindakan pembelian barangan yang dilakukan oleh orang ramai?
Beri alasan.

[9 markah]

- (c) Bagaimanakah kerajaan menggunakan syarat sewa beli untuk memastikan orang ramai tidak mengubah kaedah pembelian tersebut.

[4 markah]

7

Maklumat berikut berkaitan dengan prestasi ekonomi negara.

**Ekonomi Malaysia tumbuh 4.4 peratus suku pertama 2025,
dipacu perbelanjaan isi rumah**

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4.4 peratus dalam suku pertama 2025 didorong oleh perbelanjaan isi rumah berbanding 4.2 peratus dalam tempoh yang sama 2024. Beberapa dasar berkaitan gaji baru diperkenalkan menyokong permintaan isi rumah.

Selain itu, lebih akaun semasa lebih besar 3.4 peratus dalam suku pertama 2025 berbanding 2.6 peratus pada suku keempat 2024 berikutan aliran masuk berterusan pelaburan langsung asing (FDI).

Sumber : Diubahsuai daripada sinarharian.com.my, 16 Mei 2025

- (a) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan dasar gaji baru terhadap permintaan isi rumah.

[7 markah]

- (b) Sebagai warga negara yang rasional, anda mempunyai peranan mengukuhkan keadaan akaun semasa seperti suku pertama 2025.

Kemukakan hujah anda.

[9 markah]

- (c) Keadan pelaburan langsung asing (FDI) memberi kebaikan kepada ekonomi negara.

Setujukah anda dengan pernyataan tersebut.

Kemukakan alasan.

[4 markah]